جابتن كماجوان إسلام ملسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj Kami : JAKIM.(S).500-2/13/14 (1)
Tarikh : 3 Jun 2019

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S22 KE GRED S26 DI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Dengan hormatnya saya di arah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas. Pegawai yang berada di jawatan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S22 layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred S26 apabila memenuhi syarat-syarat berikut :

2.1 Disahkan dalam perkhidmatan
2.2 Dilantik sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S22 **sebelum atau pada 31 Disember 2011**
2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) tidak kurang 80%
2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa
2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib
2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan
2.8 **Hilang kekananan** yang boleh menyebabkan tarikh lantikan tetap sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S22 berubah ke tarikh 1 Januari 2012 dan seterusnya disebabkan faktor-faktor berikut :

i. Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda
ii. Cuti separuh gaji
iii. Cuti tanpa gaji
iv. Tidak hadir bertugas

2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**

3. Semua permohonan hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan borang seperti berikut:

i. Lampiran A – Borang Pertimbangan Pemangkuan Pembantu Hal Ehwal Islam
ii. Lampiran B – Borang Perakuan Ketua Jabatan
iii. Lampiran C – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan
iv. Salinan LNPT 2016, 2017 dan 2018
v. Salinan Keputusan Tapisan SPRM
vi. Salinan Buku Perkhidmatan
vii. Salinan Isytihar Harta

4. Hanya calon yang **bersedia untuk penempatan semula mengikut kekosongan di seluruh negara terutama di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini**.

5. Diingatkan juga bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat seperti di Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke BPSM, JAKIM. Kementerian/Jabatan/Agensi juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan Kementerian/Jabatan/Agensi boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan dan permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

6. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai yang layak dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan ke Bahagian ini **sebelum atau pada 21 Jun 2019 (Jumaat)** di alamat :

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No. 23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit Prestasi dan Kenaikan Pangkat)

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut :

i. Puan Mastura binti Rameli - 03 - 8870 7685
ii. Puan Nor Zakiah binti Muhammad - 03 - 8870 7687
iii. Puan Isdalina binti Ismail - 03 - 8870 7684

8. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri /Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOR AKMAR BINTI ABDUL KARIM)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
☎ : 03-8870 7601
💻 : akmar.islam@1govuc.gov.my